

NOTA MAKLUMAN

ADUAN DARI SYARIKAT AIR JOHOR BERKENAAN PENUTUPAN LOJI RAWATAN AIR SIMPANG RENGAM, KLUANG, JOHOR

TUJUAN

Nota makluman ini bertujuan untuk memaklumkan mengenai status siasatan aduan gangguan operasi loji rawatan air simpang renggam. Aduan diterima dari JAS Ibu Pejabat Putrajaya melalui email ke JAS Johor pada 15 Februari 2016 jam 5.25ptg.

LATARBELAKANG

2. Aduan daripada SAJ menyatakan paras ammonia setinggi 3.00ppm dikesan di dalam air mentah dan menyebabkan terdapat gangguan operasi ke atas Loji Rawatan Air Simpang Renggam.

3. Loji Rawatan Air Simpang Renggam mula beroperasi pada tahun **1988** dan loji ini direkabentuk bagi menghasilkan kapasiti pengeluaran sebanyak 25JLH. Loji Rawatan Air Simpang Renggam menggunakan sumber air mentah dari Sungai Benut. Sungai Benut terbentuk dari pencatuman tiga cabang utama sungai iaitu Sungai Machap, Sungai Ulu Benut dan Sungai Berumbong serta satu saluran dari kawasan Bandar Simpang Renggam. Punca air Sungai Machap adalah dari kawasan Empangan Machap. Pihak SAJ memaklumkan peningkatan ammonia pada air mentah sering berlaku terutamanya selepas hujan.

4. Aktiviti sekeliling yang menyumbang kepada pencemaran Ammonia:

a) Sungai Machap adalah:

- i. Ladang Penanaman Kelapa sawit
- ii. ladang ternakan unggas iaitu ternakan ayam.

b) Sungai Ulu Benut,

- i. Ladang Kelapa sawit
- ii. ladang ternakan unggas iaitu ternakan lembu dan ayam
- iii. Tapak Pelupusan Sampah Ladang CEP, Renggam.

- c) Sungai Berumbung
 - i. Loji Kumbahan Penjara Simpang Renggam
 - ii. Loji-Loji Pengolahan Kumbahan IWK.
 - iii. dari kawasan perumahan dan pemandaran.

- d) Saliran parit dari pasar awam Simpang Renggam.

Loji air simpang renggam telah wujud sejak tahun 1988. Akibat desakan populasi dan pembangunan selepas kewujudan loji air ini maka berlaku arus pembangunan **dikawasan atas** (upstream) kepada loji air ini seperti bandar, perumahan, industri, pasar-pasar, restoran-restoran, perladangan, petani, tapak pelupusan, IWK, penternakan dan lain-lain. Secara tidak langsung telah berlaku kewujudan punca-punca pencemar di atas loji rawatan air ini dimana beban pencemar akan mempengaruhi kualiti air di lembangan benut ini.

Dalam perkara ini, kedudukan loji air ini didapati sudah **tidak sesuai** berada dilokasi sedia ada pada masa kini dan akan datang atas faktor pembangunan yang akan terus berlaku di kawasan atas loji air ini.

PERKARA-PERKARA YANG HENDAK DIMAKLUMKAN

5. Sejurus menerima aduan, pegawai Jabatan Alam Sekitar Kluang (JAS) ke Loji Rawatan Air Simpang Renggam untuk mendapatkan maklumat berkaitan kejadian. Selepas mendapat gambaran, pihak JAS Kluang menjalankan pemantauan pada aliran sungai dan membuat pemeriksaan ke atas sebuah tapak sampah iaitu Tapak Pelupusan Sisa Pepejal di Ladang CEP1, Simpang Renggam, Johor Darul Takzim.

6. Hasil siasatan di Tapak Pelupusan Sampah CEP Renggam **didapati terdapat aliran air resapan sampah dari kolam takungan loji rawatan leachate** yang sedang masih belum siap. Sampel-sampel pelepasan telah diambil dan dihantar ke Jabatan Kimia Johor Bahru.

Tapak Pelupusan Sampah Ladang CEP Renggam.

7. Tapak pelupusan sisa pepejal Ladang CEP 1, Renggam mula beroperasi pada tahun 1998 dengan menerima sisa pepejal sebanyak 5 000 MT sebulan. Tapak ini digunakan oleh Majlis Perbandaran Kluang, Majlis Daerah Simpang Renggam dan Majlis Perbandaran Batu Pahat. Selaras dengan arahan kabinet, pada tahun 2006, arahan untuk menutup semua tapak pelupusan sampah yang berdekatan dengan takat pengambilan air, maka tapak pelupusan sisa pepejal di Ladang CEP Renggam, Johor seluas 8 ekar merupakan salah satu tapak pelupusan sisa pepejal yang perlu dijalankan penutupan selamat. Projek penutupan selamat dan pemuliharaan tapak pelupusan sisa pepejal di Ladang CEP, Renggam melibatkan penutupan selamat tapak sedia ada(seluas 8 ekar) serta pembinaan tapak tambahan seluas 20 ekar. Lokasi tapak tambahan adalah bersebelahan dengan tapak sediaada. Bagi tapak tambahan, cadangan projek merangkumi membina tapak pelupusan sanitari pepejal (tapak pelupusan tahap IV).

8. Siasatan rekod mendapati Tapak Pelupusan Sampah CEP Renggam ini adalah dibawah pihak Majlis Daerah Simpang Renggam. Didalam kawasan tapak ini terdapat beberapa bahagian itu tapak pelupusan sampah secara landfill, tapak pembinaan pelupusan sampah sanitari yang masih terbengkalai dan loji rawatan air leachate yang mana masih dalam peringkat pembinaan. Pembinaan loji adalah diatas arahan Jabatan Sisa Pepejal Negara (JPSPN) yang mana tapak pelupusan sampah ini adalah salah satu projek penutupan selamat dan pemulihan tapak pelupusan sisa pepejal di Semenanjung Malaysia. Berdasarkan siasatan oleh JAS Kluang mendapati bahawa tapak pelupusan sisa pepejal yang lama masih digunakan lagi memandangkan Tapak Pelupusan Sanitari disebelah Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Ladang CEP 1 Renggam masih belum boleh digunakan kerana menghadapi masalah dengan kontraktor sebelum ini.

9. Pelepasan air leachate ke alur air telah lama berlaku disebabkan kelewatan pembinaan dan operasi loji pengolahan leachate. Pelepasan air leachate dari tapak ini menjadi penyumbang utama peningkatan ammonia di dalam Sungai Ulu Benut dan antara penyebab penutupan loji rawatan air sempang renggam.

TINDAKAN-TINDAKAN JABATAN ALAM SEKITAR CAWANGAN KLUANG

10. Kronologi tindakan JAS Cawangan Kluang

25 Ogos 2015

Satu mesyuarat Penyelarasan Menangani Pencemaran Ke Atas Sumber Air Sungai Ulu Benut Akibat Pelepasan Larut Resap Dari Tapak Pelupusan Sisa Pepejal Ladang CEP 1, Simpang Renggam Bil 1/2015 telah diadakan pada 25 Ogos 2015 di Jabatan Alam Sekitar Johor berkaitan isu ini yang di hadiri oleh Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara, Syarikat Air Johor, Badan Kawal Selia Air Johor, Majlis Daerah Simpang Renggam dan SW Corp. Antara keputusan mesyuarat adalah **meminta Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara menimbangkan langkah sementara bagi menangani isu ini.**

01 Disember 2015

Pemeriksaan dijalankan pada 01 Disember 2015 mendapati terdapat pelepasan air resapan sisa pepejal dari tapak pelupusan sisa pepejal Ladang CEP, Renggam.

Sampel pelepasan air resapan diambil dan dihantar ke Jabatan Kimia Johor Bahru. Hasil analisa mendapati berlaku ketidakpatuhan iaitu:

BOD : 380mg/l

SS : 64mg/l

COD: 1500 mg/l

AN: 340 mg/l

Kertas siasatan sedang dilengkapkan yang mana sedang mendapatkan salinan Perjanjian antara Kerajaan Negeri Johor yang diwakili Majlis Daerah Simpang Renggam dan Kerajaan Persekutuan yang diwakili Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal. agi pertuduhan ke atas Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal Negara dan Majlis Daerah Simpang Renggam.

14 Disember 2015

JAS Cawangan Kluang menjemput pihak JPSPN untuk sesi perbincangan dan lawatan tapak. Lawatan tapak dihadiri oleh Timbalan Ketua Pengarah (TKP) JPSPN iaitu En Abdul Nasir Bin Abdul Aziz dan Pegawai JAS Johor. Menurut beliau JPSPN didalam perancangan untuk menempatkan Mobile treatment ke tapak ini bagi langkah jangka pendek. Langkah jangka panjang, JPSPN dalam proses penilaian tender kontraktor dan projek naik taraf tapak pelupusan ini dijangka siap dalam penghujung tahun 2016.

19 Januari 2016

JPSPN mengemukakan maklumbalas secara bertulis berkaitan perancangan jangka panjang dan perancangan jangka pendek seperti yang dinyatakan oleh TKP JPSPN semasa lawatan tapak pada 14 Disember 2015.

22 Januari 2016

JPSPN mengemukakan maklumat berkaitan mesyuarat pada 11 April 2014 antara JPSPN dan JAS Putrajaya. Menurutnya, hasil mesyuarat antara Ketua Pengarah JPSPN dan Ketua Pengarah JAS menyatakan bahawa projek penaiktaraf tapak pelupusan ini tidak memerlukan penyediaan EIA.

15 Februari 2016

Aduan daripada SAJ Holdings Sdn Bhd berkaitan gangguan operasi Loji Rawatan Air Simpang Renggam hasil akibat dari peningkatan bacaan ammonia di Sungai Benut iaitu sumber air mentah loji rawatan air ini. Punca adikenalpasti adalah Tapak Pelupusan Sisa Pepejal, Ladang CEP Renggam. Pemeriksaan JAS Cawangan Kluang pada 16 Februari mendapati terdapat limpahan air larut resap dari tapak pelupusan ini. Sampel diambil dan dihantar ke Jabatan Kimia Johor Bahru.

Kertas Siasatan akan dibuka sekiranya keputusan menunjukkan ketidakpatuhan. Pertuduhan ke atas Majlis Daerah Simpang Renggam dan JPSPN.

11. Surat kepada JPSPN dan Majlis Daerah Simpang Renggam telah dikeluarkan pada 16 Februari 2016 dan disalinkan kepada pengadu. Loji Rawatan Air Simpang Renggam masih beroperasi.

PENUTUP

12. Dipohon mengambil maklum mengenai hasil siasatan dan tindakan JAS bagi kes aduan gangguan operasi loji rawatan air Simpang Renggam, Kluang Johor.

Jabatan Alam Sekitar Cawangan Kluang
17 FEBRUARI 2016



LOJI RAWATAN AIR SIMPANG RENGAM



TAPAK PELUPUSAN SAMPAH LADANG CEP RENGAM



LOJI RAWATAN LEACHATE, TAPAK PELUPUSAN SAMPAH LADANG CEP RENGAM



PELEPASAN LEACHATE, TAPAK PELUPUSAN SAMPAH LADANG CEP RENGAM



PENGAMBILAN SAMPEL LEACHATE

